

KURSUS
DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN

KAJIAN MENGENAI PEMBANGUNAN
TANAH-TANAH TERBIAR DI KAWASAN
SEBERANG PRAI, PULAU PINANG,

DISEDIAKAN OLEH
SABARY MOHAMED
(INDEX: 77903631)

1983

RINGKASAN

1. Terdapat kira-kira 971,660 hektar (2.4 juta ekar) tanah terbiar diseluruh Semenanjung Malaysia yang terdiri dari 160,928 hektar tanah sawah dan 810,732 hektar tanah bukan sawah. Dalam mengatasi masaalah ini pihak Kerajaan telah mengambil beberapa langkah.
2. Diantara tujuan penyelidikan ini ialah untuk mengkaji rancangan-rancangan atau langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam pembangunan dan pemulihan tanah-tanah terbiar dikawasan Seberang Prai, Pulau Pinang.
3. Kaedah-kaedah penyelidikan yang dijalankan adalah melalui rujukan bahan-bahan bacaan, lapuran-lapuran Pasukan Petugas, potongan-potongan akhbar dan petikan minit mesyuarat Pasukan Petugas untuk mendapatkan data-data sekundar serta melalui temubual dan soalseliidik untuk memperolehi data utama (primary data).
4. Dari kajian yang telah dibuat, beberapa penemuan dan analisa telah diperolehi. Diantara lain ialah punca-punca yang menyebabkan tanah sawah di Seberang Prai tidak diusahakan dan beberapa rancangan pembangunan atau pemulihan yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan serta cara-cara perlaksanaannya.
5. Hasil dari penemuan dan analisa yang dibuat, beberapa kesimpulan juga telah diberikan.
6. Beberapa cadangan juga telah dikemukakan untuk mengatasi masaalah-masaalah dan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam perlaksanaan rancangan pemulihan tanah-tanah terbiar di kawasan Seberang Prai.

KANDUNGAN

BAB : 1

Muka Surat

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	LATARBELAKANG	1
1.2	PENYATA MASAALAH	3
1.3	TUJUAN KAJIAN	3
1.4	SKOP DAN BATASAN	4
1.5	HALANGAN	5

BAB : 2

2.0	BAHAN-BAHAN RUJUKAN YANG BERKAITAN	6
2.1	PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS	6
2.2	KAJIAN, BENGKEL DAN SEMINAR YANG LALU	7
2.3	OBJEKTIF KAJIANINI	8

BAB : 3

3.0	KAEDAH PENYELIDIKAN	9
3.1	PEMILIHAN KAWASAN	9
3.2	PEMILIHAN MUKIM	9
3.3	PEMILIHAN KAMPUNG	10
3.4	PENYEDIAAN BORANG SOALSELIDIK	11
3.4.1	HURAIAN SOALAN SOALSELIDIK	12

BAB 1

1.0 PENDAHULUAN

1.1 LATARBELAKANG

Diseluruh Semenanjung Malaysia terdapat kira-kira 971,660 hektar (2.4 juta ekar) tanah yang tidak diusahakan atau terbiar. Tanah-tanah ini boleh dibahagikan kepada dua jenis tanah iaitu tanah yang digezetkan sebagai Tanah Sawah Padi dan Tanah Bukan Sawah Padi. Dari jumlah tersebut, 16.6% ataupun kira-kira 160,928² hektar adalah Tanah Sawah manakala bakinya seluas 810,732³ hektar (83.4%) adalah Tanah Bukan Sawah.

Keluasan tanah terbiar yang sebegini besar telah menyebabkan Kerajaan mengambil beberapa langkah yang perlu untuk mengatasi masaalah ini. Tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian ialah untuk memulihkan tanah-tanah sawah yang terbiar, manakala Kementerian Kemajuan Tanah Dan Wilayah pula telah ditugaskan untuk memajukan tanah-tanah bukan sawah yang tidak diusahakan.

Dalam konteks kajian ini, hanya tanah-tanah sawah terbiar sahaja akan diliputi. Ini bermakna hanya langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Pertanian sahaja akan ditinjau. Dari keseluruhan tanah sawah yang terbiar di semenanjung iaitu seluas 160,928 hektar, kira-kira 71,819 hektar adalah terdiri dari sawah yang terbiar berpanjangan, manakala seluas 89,109 hektar pula adalah sawah yang terbiar diluar musim sahaja. Keluasan sawah yang terbiar berpanjangan adalah merupakan 17.8% daripada jumlah keluasan semua sawah di semenanjung iaitu kira-kira 403,174 hektar. Keadaan ini telah menimbulkan 2 implikasi penting iaitu:-

- (a) Negara mengalami purata kerugian hasil padi yang berjumlah 3.65 juta pikul setahun dari sawah yang terbiar berpanjangan dan 4.52 juta pikul lagi dari sawah-sawah terbiar diluar musim. Ini menunjukkan bahawa petani-petani kehilangan pendapatan sejumlah \$109.5 juta setahun dari sawah terbiar berpanjangan dan \$135.0 juta lagi dari sawah-sawah terbiar diluar musim, sekiranya tanah-tanah ini diusahakan sekali setahun bagi yang terbiar berpanjangan dan dua musim bagi yang terbiar diluar musim.
- (b) Bagi menampung kekurangan bekalan, Kerajaan terpaksa mengimpot beras bernilai berjuta ringgit setiap tahun misalnya \$215.8 juta dalam tahun 1978 dan \$84.0 juta dalam tahun 1979. Perbelanjaan ini mungkin boleh diselamatkan sekiranya sawah-sawah terbiar dapat diusahakan.

Bagi mengatasi masaalah tanah-tanah sawah yang terbiar ini, Kementerian Pertanian telah menubuahkan satu Jawatankuasa Khas yang dinamakan Pasukan Petugas Tanah Terbiar didua peringkat iaitu diperingkat Kementerian dan juga diperingkat negeri. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 1978 yang mana dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti:-

- (a) Kementerian Pertanian
- (b) Bahagian Perkhidmatan Haiwan
- (c) Bahagian Perkhidmatan Perikanan
- (d) Bahagian Perkhidmatan Pertanian
- (e) Bahagian Parit Dan Taliair
- (f) Lembaga Pertubuhan Peladang
- (g) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
- (h) MARDI
- (i) Bank Pertanian Malaysia
- (j) Unit Perancang Ekonomi